

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 1/1966**

=====

**KELAMBATAN DIATAS PENDAFTARAN  
INSTRUMENT-INSTRUMENT DISERAHKAN  
UNTUK DIDAFTARKAN**

-----

Saya telah diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bagi menyampaikan satu aduan daripada pihak Berkuasa Council berkenaan dengan kelewatan mendaftarkan dokumen yang dikemukakan kepada Pendaftar-Pendaftar. Adalah difahamkan iaitu kelewatan yang berlanjutan yang telah terjadi ialah dokumen diterima telah disimpan selama 1 dan 2 bulan di Pejabat Pendaftar-pendaftar sedangkan pekerjaan mendaftarkan dokumen boleh disempurnakan selewat-lewatnya dalam masa 7 sampai 10 hari sahaja.

2. Perkara kelewatan menyampaikan dokumen yang telah didaftarkan telah dinyatakan berlaku dari pihak Pendaftar-Pendaftar dan kelewatan ini sepatutnya tidak boleh berlaku jika tindakan yang cekap dan teratur diselenggarakan oleh Pendaftar-Pendaftar di Pejabat Tanah.

3. Saya menarik perhatian tuan sekali lagi kandungan Surat Pekeliling No.(3) in Sel. Sec.6764 bertarikh 10hb Disember 1962 diatas tajuk "Delay in the Registration of Document in Land Offices" yang diedarkan oleh Setiausaha Kerajaan Selangor kepada Semua Pegawai Daerah, Penolong Pegawai Daerah, Pendaftar-Pendaftar Geran dan Pemungut Hasil Tanah untuk tindakan mereka dan juga kepada kandungan Surat Pekeliling No, (27) dlm. PT.PTM. 224/50 bertarikh 19.6.1963 yang diedarkan oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Tanah Melayu berbangkit dengan perkara yang serupa itu jua untuk tindakan semua Pemungut Hasil Tanah di Pejabat-Pejabat Tanah .

4. Adalah diharapkan tuan mengambil perhatian yang berat di dalam hal ini. Salinan surat-surat Pekeliling tersebut disertakan bersama-sama untuk panduan tuan

T.T  
**(Osman bin Ali)**  
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN  
SELANGOR

PTG.Sel.718 (1)

Kuala Lumpur  
3hb Jun 1966